

04/10/2002

Malaysia minat maju struktur komposit industri aeroangkasa

Daud Awang; Kadir Dikoh

MALAYSIA berminat berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan rakan kongsi asing bagi membangunkan struktur komposit untuk industri aeroangkasa dan yang berkaitan dengannya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah itu penting sebagai persiapan Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.

"Kita bukan mahu bersaing dengan negara luar, tetapi mahu menimba pengalaman dan kepakaran agar bidang aeroangkasa serta bidang lain termasuk pembuatan bot dapat diterokai negara ini secara meluas.

"Ia sejajar dengan konsep Malaysia Boleh yang diperkenalkan kerajaan," katanya ketika melancarkan kilang Composites Technology Research Malaysia (CTRM) di Batu Berendam, Melaka, semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam; Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Pengerusi CTRM, Tan Sri Dr Ahmad Zaharudin Idrus.

Pada majlis itu, Dr Mahathir dan Mohd Ali turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara CTRM dan Airbus untuk membekalkan komponen sayap pesawat A380 Superjumbo bernilai RM800 juta.

CTRM diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Abdul Malek Packeer manakala Airbus pula oleh Naib Presiden Eksekutifnya, Ray Wilson.

Perjanjian pembekalan baru untuk membekalkan panel bahagian bawah sayap A380 Superjumbo itu mengukuhkan lagi kedudukan CTRM sebagai pembekal komposit penting dalam rangkaian pembekal Airbus.

Sebelum ini, perjanjian antara kedua-dua syarikat itu membabitkan pembekalan komponen komposit bagi pesawat A300 dan A320.

Hubungan niaga antara kedua-dua syarikat bermula sejak 1999.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, kerajaan juga berminat membeli lebih banyak pesawat, sama ada Boeing atau Airbus untuk kegunaan Penerbangan Malaysia (MAS) pada masa depan.

Pembelian itu adalah sebagai tambahan kepada pesawat sedia ada bagi meluaskan lagi operasi MAS yang kini dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan, katanya.

Sementara itu dalam lawatan seharinya ke Melaka semalam, Dr Mahathir turut merasmikan Pusat Sistem Komputer yang dikenali sebagai Makmal Bersepadu (i-Lab) di Cubic Electronics Sdn Bhd (Cubic Electronics) di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh.